

(22 mac 2022) kosmo, p. 4

Had laju 30kmj dan 50kmj di KL dijangka mulai September

PETALING JAYA – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dijangka melaksanakan had laju kenderaan dengan kelajuan 30 kilometer sejam (kmj) dan 50kmj di lokasi-lokasi terpilih pada September ini jika diluluskan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, cadangan yang dikemukakan Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) itu dilihat dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalan raya lain seperti

penunggang basikal dan juga pejalan kaki.

“Mengikut jadual yang telah dikemukakan, bermula April ini, pembentangan akan dibuat kepada DBKL untuk mendapatkan kelulusan dan juga keputusan tepat. Jika ia dipersetujui, maka ia akan dilaksanakan pada September 2022,” kata pada sidang Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Mohd. Hisamudin Yahaya yang mahu mengetahui pendirian

DBKL terhadap cadangan MIROS untuk melaksanakan had laju kenderaan di kawasan-kawasan terpilih di ibu negara

Dalam pada itu, Jalaluddin memaklumkan terdapat beberapa isu yang perlu diberi penambahbaikan terhadap kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur ketika ini.

“Sistem lampu isyarat yang kita ada ketika ini perlu ditambah baik. Kita ada dua sistem berasingan, satu sistem yang mengawal trafik di kawasan bandar raya dan satu lagi yang mengawal

trafik di kawasan pinggir bandar.

“Kedua-dua sistem trafik ini dikawal oleh pusat kawalan Kuala Lumpur, maka pihak DBKL sedang meneliti untuk memutuskan bagi satu sistem integrasi bagi membantu mengawal kesesakan di bandar raya Kuala Lumpur,” katanya.

Selain itu katanya, masalah pengangkutan awam serta lambakan kenderaan yang memasuki Kuala Lumpur hampir 2 juta ketika ini juga menyebabkan berlakunya kesesakan jalan raya.

“Pihak DBKL telah melakukan beberapa penambahbaikan dan DBKL menumpukan untuk menaik taraf laluan pertama dari rumah ke pusat pengangkutan awam dan laluan akhir iaitu daripada hentian pengangkutan awam ke pejabat.

“Selain itu, DBKL sedang melihat gandingan penguatkuasaan terhadap tindakan segelintir individu tidak bertanggungjawab yang meletakkan kenderaan sesuka hati sehingga menghalang lalu lintas,” ujarinya.